



INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA  
*NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH*

**PEPERIKSAAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN**  
*SAFETY AND HEALTH OFFICER EXAMINATION*

**KERTAS 4**  
*PAPER 4*

**BAHAGIAN 1: TUGASAN TEMPAT KERJA**  
*PART 1: WORKPLACE ASSIGNMENT*

## **ARAHAN UNTUK MENYEDIAKAN TUGASAN TEMPAT KERJA**

**CALON DIKEHENDAKI MEMBACA SEMUA ARAHAN INI DENGAN TELITI DAN MEMATUHI SEMUA ARAHAN TERSEBUT.**

### **A. TUGASAN TEMPAT KERJA**

1. Pilih satu tempat kerja. Ia boleh terdiri daripada keseluruhan tempat kerja atau satu bahagian di tempat kerja tersebut.
2. Kenal pasti sekurang-kurangnya 6 hazard keselamatan dan kesihatan termasuk sekurang-kurangnya 2 hazard kesihatan di tempat kerja. Bincangkan teknik yang digunakan untuk mengenal pasti setiap hazard tersebut.
3. Anggar risiko-risiko keselamatan dan kesihatan yang wujud daripada setiap hazard tersebut.
4. Senarai dan susun enam hazard yang telah dikenalpasti mengikut tahap kekritikalan risikonya. Tentukan hazard keselamatan dan hazard kesihatan yang paling kritikal.
5. Cadang dan bincangkan langkah-langkah kawalan untuk menghapuskan atau mengurangkan kedua-dua risiko hazard-hazard kritikal tersebut.
6. Sarankan program semakan semula terhadap langkah-langkah kawalan yang dinyatakan dalam perkara (5) untuk memastikan kecekapan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

### **B. FORMAT LAPORAN**

1. Tugas ini mesti ditaip dengan jelas menggunakan samada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
2. Tulisan yang digunakan mestilah Times New Roman yang bersaiz 12 dan menggunakan langkau 2 baris (double spacing) kecuali tajuk halaman dan abstrak 1 baris (single spacing).
3. Margin kiri dan kanan mestilah berukuran 2.5 cm, manakala margin atas dan bawah mestilah berukuran 3 cm dan diformatkan kepada saiz kertas A4.
4. Gunakan sebelah halaman kertas sahaja.
5. Laporan mesti mempunyai muka depan (lampiran 1) dan dijilid secara "**comb binding**".

**CALON DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN LAPORAN BERDASARKAN FORMAT DI BAWAH. MARKAH MAKSIMUM BAGI SETIAP SEKSYEN DINYATAKAN DALAM KURUNGAN ( )**

**1. ABSTRAK (10 markah)**

Ringkasan mengenai latarbelakang laporan, objektif laporan, kaedah yang digunakan dan hasil yang diperolehi, saranan kawalan yang dibuat untuk memanfaatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

**2. PENGENALAN (8 markah)**

Satu keterangan ringkas mengenai organisasi dan tempat kerja yang dipilih. Keterangan tersebut mestilah meliputi carta organisasi, bilangan pekerja, aktiviti, proses kerja keseluruhan, proses kerja untuk laporan secara spesifik dan persekitaran kerja dari segi keselamatan dan kesihatan

Sebarang gambarajah dan gambar foto yang dirujuk dalam teks boleh dimuatkan dalam seksyen ini atau dalam lampiran.

**3. OBJEKTIF (3 markah)**

Nyatakan objektif laporan.

**4. KAEDAH (21 markah)**

- 4.1 Terangkan **tiga** kaedah **yang digunakan** untuk mengenalpasti hazard keselamatan dan kesihatan tersebut
- 4.2 Terangkan secara terperinci kaedah penaksiran risiko (anggaran risiko dan penilaian risiko). Sediakan matriks yang digunakan, keterangan kebarangkalian dan keterukan dan tindakan yang perlu diambil.

**5. HASIL DAN PERBINCANGAN (20 markah)**

- 5.1 Nyatakan dan jadualkan 6 hazard (sekurang-kurangnya 2 hazard kesihatan) mengikut tahap kekritikalan risikonya.
- 5.2 Susun hazard berdasarkan 'rating' risiko yang diperolehi.
- 5.3 Rasionalkan pilihan anda dan mengikut hazard yang paling kritikal (1 hazard keselamatan dan 1 hazard kesihatan ).
- 5.4 Terangkan kesan setiap risiko keselamatan dan kesihatan yang paling kritikal yang telah dikenalpasti kepada organisasi.

**6. SARANAN (30 markah)**

- 6.1 Terangkan secara terperinci langkah-langkah kawalan mengikut hirarki kawalan risiko (langkah pencegahan dan pembedahan) yang dicadangkan untuk mengawal **HAZAD KESELAMATAN** yang paling kritikal.

- 6.2 Terangkan secara terperinci langkah-langkah kawalan mengikut hirarki kawalan risiko (langkah pencegahan dan pembetulan) yang dicadangkan untuk mengawal **HAZAD KESIHATAN** yang paling kritikal.
- 6.3 Terangkan langkah-langkah semakan semula yang dicadangkan terhadap langkah-langkah kawalan di dalam sub-seksyen 6.1 dan 6.2.
- 6.4 Bincangkan keuntungan daripada saranan dalam sub-seksyen 6.1 dan 6.2 kepada organisasi.

## 7. RUJUKAN/SUMBER (3 markah)

Senaraikan semua rujukan yang dirujuk dalam laporan ini. Maklumat seperti nama **pengarang, tajuk, penerbit dan tahun** hendaklah dinyatakan. Contoh:

- i. Rujukan buku : Hillman, *Multimedia Technology and Application*. Delmal Publisher. 1998
- ii. Rujukan laman web : OSHA. Personal Protective Equipment. OSHA 1995  
<http://www.osha.gov/oshpubs/perpro.html>

Pastikan rujukan-rujukan ini adalah rujukan silang di dalam di dalam teks.

## 8. LAMPIRAN (5 markah)

Hanya lampiran yang telah dirujuk di dalam laporan sahaja perlu dilampirkan seperti gambarajah, diagram, laporan, gambar, borang soal selidik dan sebagainya.

## C. PENGESAHAN TUGASAN TEMPAT KERJA

Anda dikehendaki mengesahkan bahawa Kertas Tugas Tempat Kerja yang dihantar kepada Sekretariat Peperiksaan adalah hasil kerja anda sendiri. Sila isikan borang pengesahan yang dihantar oleh sekretariat peperiksaan kepada calon dan menjilidkannya bersama dengan Tugas Tempat Kerja di mukasurat pertama Kertas Tugas Tempat Kerja anda. Borang pengesahan ini perlu dimuat turun dari laman web NIOSH di [www.niosh.com.my](http://www.niosh.com.my), klik pautan (intranet.niosh.com.my/exam/sppn.nsf) **EXAMINATION > Sistem Permohonan Peperiksaan NIOSH > Perakuan Tugas Tempat Kerja (Kertas 4)**

## D. SERAHAN SEMULA TUGASAN TEMPAT KERJA

1. Laporan yang lengkap mestilah dihantar melalui **SERAHAN SEGERA/ SURAT BERDAFTAR** atau **SERAHAN TANGAN** kepada alamat di bawah.

Sekretariat Peperiksaan SHO  
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)  
Level 3, Menara NIOSH Bangi  
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15  
43650 Bandar Baru Bangi  
Selangor Darul Ehsan

Laporan tersebut mesti sampai ke alamat di atas sebelum atau pada tarikh seperti berikut:

Tarikh Peperiksaan Kertas 4	Tarikh Akhir NIOSH Terima WPA
21 – 22 Februari 2018	<b>29 Januari 2018</b>
25 – 26 April 2018	<b>26 Mac 2018</b>
28 – 29 Mei 2018	<b>30 April 2018</b>
27 - 28 Jun 2018	<b>28 Mei 2018</b>
29 – 30 Ogos 2018	<b>30 Julai 2018</b>
24 – 25 Oktober 2018	<b>24 September 2018</b>
26 - 27 November 2018	<b>29 Oktober 2018</b>

2. **PERINGATAN:** Anda perlu memberi masa secukupnya untuk urusan penghantaran pos. Laporan yang lewat dihantar **tidak akan diterima dan dinilai**. Pihak NIOSH tidak akan bertanggungjawab ke atas laporan tugasan yang dihantar lewat atau tidak sampai pada tarikh yang ditetapkan.

#### **E. PEPERIKSAAN LISAN (KERTAS IV BAHAGIAN 2)**

1. Peperiksaan Lisan adalah berdasarkan kepada **laporan tugasan anda dan pengetahuan anda dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan**. Anda dikehendaki membentangkan secara lisan laporan anda seolah-olah anda membentangkannya kepada pihak pengurusan atasan organisasi anda dalam tempoh masa tidak melebihi **10 minit**. Pembentangan tersebut hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
  - a) Pengenalan tempat kerja dan objektif laporan.
  - b) Kaedah penaksiran risiko dan matriks risiko yang digunakan
  - c) Hasil kajian & Perbincangan
  - d) Saranan
2. Pembentangan lisan **WAJIB** menggunakan “**Microsoft Power Point**” (**versi 97 - 2003**). Calon hendaklah menyediakan pembentangan slaid dalam bentuk **CD atau Thumbdrive**.
3. Menyedia dan membawa ke bilik ujian lisan, 3 salinan cetakan pembentangan slaid (perkara E.2.)
4. Ujian lisan akan mengambil masa 30 minit (10 minit pembentangan dan 20 minit sesi soal jawab).

**INSTRUCTIONS TO PREPARE A WORKPLACE ASSIGNMENT REPORT**

**CANDIDATES MUST READ THE FOLLOWING INSTRUCTIONS CAREFULLY AND FOLLOW ALL INSTRUCTIONS.**

**A. WORKPLACE ASSIGNMENT**

1. *Select a workplace. This can be the whole workplace or a separate section of the workplace.*
2. *Identify at least 6 safety and health hazards, including at least 2 health hazards at this workplace. Discuss the techniques used to identify each of these hazards.*
3. *Estimate the safety and health risks from each and every one of these hazards.*
4. *Priorities and list these hazards based on their risk rating. Determine the most critical safety and health hazards.*
5. *Suggest and discuss the control measures to eliminate or reduce the risks of both critical hazards.*
6. *Recommend document review program for step (5) to ensure the effectiveness of managing safety and health at the workplace.*

**B. REPORT FORMAT**

1. *This assignment shall be type in Bahasa Melayu or English.*
2. *The fonts used must be Times New Roman size 12 and using double spacing (except for title page) and single spacing for the abstract.*
3. *The left and right margins must be 2.5 cm, while the top and bottom margins must be 3 cm and formatted in paper sized A4.*
4. *Use one side of the paper only.*
5. *The report must have a front cover and it must be spiral bound. (Refer appendix 1)*

**CANDIDATES ARE REQUIRED TO PREPARE A REPORT BASED ON THE FORMAT GIVEN BELOW. THE MAXIMUM MARKS FOR EVERY SECTION ARE GIVEN IN BRACKETS ( )**

**1. ABSTRACT (10 marks)**

*A short summary of your assignment background, report objectives, methods used and result obtained, suggestions and control measures recommended to benefit the safety and health at the workplace.*

**2. INTRODUCTION (8 marks)**

*A brief description of your organisation and the workplace chosen. The description must include the organisational chart, number of worker, activities, overall work processes, specific work process for workplace assignment and work environment in terms of safety and health.*

*Any figures or photographs can be placed in this section or attached as appendices if they are referred to in the text.*

**3. OBJECTIVES (3 marks)**

*State the objectives of the report.*

**4. METHOD (21 marks)**

*4.1 Explain **three** methods used in the hazard identification process in the workplace.*

*4.2 Explain methods of risk assessment (risk estimation and risk evaluation). Provide matrix used, explanation of likelihood and severity, and decision for action.*

**5. RESULT AND DISCUSSION (20 marks)**

*5.1 List and tabulate 6 hazards (at least 2 health hazard) according to criticality of the risk*

*5.2 List the hazard based on their risk rating.*

*5.3 Rationalize your choice for the most critical hazard (1 safety hazard and 1 health hazard).*

*5.4 Explain the impact of the most critical safety and health risks identified to the organization.*

**6. RECOMMENDATION (30 Marks)**

*6.1 Explain in detail the proposed control measures in accordance to the hierarchy of risk control (preventive and corrective) for the most critical **SAFETY HAZARD**.*

*6.2 Explain in detail the proposed control measures in accordance to the hierarchy of risk control (preventive and corrective) for the most critical **HEALTH HAZARD**.*

*6.3 Explain the proposed review program on the effectiveness of the proposed control measures in subsection 6.1 and 6.2.*

*6.4 Discuss the benefits of the recommendations in subsection 6.1 and 6.2 to the organization.*

**7. REFERENCES / SOURCES (3 marks)**

List all references used in this report. Information such as author's name, title, publisher and year should be stated. Example:

- i. Book reference : Hillman, *Multimedia Technology and Application*. Delmal Publisher. 1998
- ii Website reference : OSHA. Personal Protective Equipment. OSHA 1995  
<http://www.osha.gov/oshpubs/perpro.html>

Make sure these references are cross-reference in the text.

**8. APPENDICES (5 marks)**

Only include appendices that are referred to in the report such as figure, questionnaire, diagrams, reports, pictures, questionnaire etc.

**C. VERIFICATION OF WORKPLACE ASSIGNMENT REPORT**

You are required to verify that the Workplace Assignment report submitted to the Examination Secretariat as your own work. Please fill in the verification form posted by Examination Secretariat to candidate and bind it together with your Workplace Assignment as the first page of your assignment. This verification form will be posted to registered candidates only.

**D. SUBMITTING THE WORKPLACE ASSIGNMENT REPORT**

- 1. The complete answer script must be sent **via COURIER/REGISTERED MAIL or HAND DELIVERED** to the address below

SHO Examination Secretariat  
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)  
Level 3, Menara NIOSH Bangi  
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15  
43650 Bandar Baru Bangi  
Selangor Darul Ehsan



The complete answer script must be arrive to the address above before or on the following date:

<b>Examination Date For Paper 4</b>	<b>Dateline For Submitting Workplace Assignment</b>
21 – 22 Februari 2018	<b>29 Januari 2018</b>
25 – 26 April 2018	<b>26 Mac 2018</b>
28 – 29 Mei 2018	<b>30 April 2018</b>
27 - 28 Jun 2018	<b>28 Mei 2018</b>
29 – 30 Ogos 2018	<b>30 Julai 2018</b>
24 – 25 Oktober 2018	<b>24 September 2018</b>
26 - 27 November 2018	<b>29 Oktober 2018</b>

2. **REMINDER:** Please allow adequate time for postal delivery. **All late answer** scripts will be **DISQUALIFIED** from the assessment (any postponement will not be entertained). **NIOSH shall not be responsible for any late report or if it does not arrive on time.**

**E. ORAL EXAMINATION (PAPER IV PART 2)**

1. The oral examination will be based on **your assignment report and your knowledge in occupational safety and health**. You are required to orally present your report as if you are presenting it to your top management in not more than **10 minutes**. The presentation should contain the following:
  - a) Introduction of workplace and objectives of report
  - b) Method of risk assessment and risk matrix used
  - c) Findings and Discussion
  - d) Recommendations
2. The oral presentation **MUST** use “**Microsoft Power Point**” (**version 97 - 2003**) for presentation. Candidates must prepare their slide show in a **CD** or **Thumbdrive**.
3. Prepare and bring along, 3 hard copies of **the presentation** material to examination room (item E.2.)
4. Oral examination will take 30 minutes (10 minutes presentation plus 20 minutes question and answer presentation).

Report of Hazards  
in the XXX Section of  
A Manufacturing Company  
*(font size 22)*

By

Index No: .....

IC No: .....

*(font size 16)*

Safety and Health Officer Examination  
Paper IV Part 1: Workplace Assignment

*(font size 12)*